KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KKDW PERKUKUH KOMITMEN PEMBANGUNAN DESA INKLUSIF MELALUI SESI DIALOG BELANJAWAN 2026 BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) hari ini telah menganjurkan **Sesi Dialog Belanjawan 2026 KKDW bersama Pihak Berkepentingan** di Dewan Seri Lestari, KKDW, Putrajaya. Sesi dialog ini telah **dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah**.

Sesi ini diadakan bertujuan mengumpul pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan penyediaan Belanjawan 2026 dapat dilaksanakan secara lebih inklusif dan menyeluruh. Usaha ini juga selaras dengan **keputusan kerajaan pada 1 Ogos lalu yang mewajibkan semua kementerian mengadakan sesi libat urus belanjawan bersama pihak berkepentingan masing-masing.**

Sesi hibrid ini melibatkan seramai **1,050 peserta, dengan 300 peserta hadir secara fizikal manakala 750 peserta lagi menyertai secara dalam talian dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak**. Para peserta terdiri daripada wakil agensi kerajaan, ketua jabatan dan agensi di bawah KKDW, Pejabat KKDW Negeri, persatuan perniagaan, dewan koperasi, usahawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta ahli akademik. Turut hadir, wakil daripada Pasukan Belanjawan, Kementerian Kewangan.

Semua **pandangan dan cadangan yang dikemukakan semasa sesi dialog ini akan disalurkan kepada Pasukan Belanjawan, Kementerian Kewangan** untuk penelitian lanjut. Pandangan tersebut seterusnya akan dijadikan asas dalam penyediaan Ucapan Belanjawan 2026 yang bakal dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2025.

Penganjuran sesi ini mencerminkan iltizam KKDW dalam memperkukuh agenda pembangunan desa secara inklusif dan bersepadu. Ia sekali gus menegaskan bahawa kesejahteraan masyarakat desa terus menjadi keutamaan kementerian, selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang menekankan nilai kesejahteraan, keberdayaan dan keterangkuman untuk semua lapisan masyarakat.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
4 SEPTEMBER 2025